

Kes kutip rasuah di tengah laut

5 penjawat awam direman

Ramai penguat kuasa dikesan terima 'duit haram' bulanan sejak lebih lima tahun

Oleh Zuliaty Zulkifli dan Zuhainy Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Seramai 10 individu termasuk lima penjawat awam membabitkan tiga agensi penguatkuasaan di laut direman lima hari bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah reman itu dikeluaran Majistret Siti Norhidayah Mohd Noor di Mahkamah Majistret Alor Setar di sini, semalam, selepas mendapat permohonan pegawai penyiasat SPRM Putrajaya.

Terdahulu, semua suspek berusia antara 26 hingga 57 tahun tiba diiringi pegawai SPRM di lokap mahkamah pada jam 8.30 pagi.

Menurut sumber, suspek dipercayai adalah lima anggota tiga agensi penguatkuasaan di laut dan lima orang awam termasuk pemilik bot yang ditahan SPRM.

Tangkapan 10 individu ini antara 19 yang diberkas SPRM selepas dipercayai terbabit dalam aktiviti rasuah besar-besaran dan menutup wang rasuah di tengah laut.

Tindakan diambil susulan perdedahan akhbar *Harian Metro* sejak Ahad lalu, berhubung kegia-



Anggota SPRM mengiringi sepuluh individu termasuk lima penjawat awam di Kompleks Mahkamah Alor Setar.

14/18/2023 MS: 20

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

tan rasuah membabitkan anggota penguat kuasa di laut.

Pendedahan itu menggemparkan apabila berpuluh kakitangan dan pegawai penguat kuasa dikesan menerima suapan 'duit haram' secara bulanan sejak lebih lima tahun lalu.

Kegiatan itu berjaya dikesan SPRM susulan risikan dilakukan terhadap tiga agensi penguatkuasaan membabitkan agensi Jabatan Perikanan (DOF), Pasukan Gerakan Marin (PGM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Kakitangan tiga agensi itu dikesan menerima rasuah diberikan pemilik bot nelayan dan pengusaha sangkar ternakan ikan dalam bentuk wang tunai.

SPRM turut melakukan risikan sejak beberapa bulan lalu, ter-

hadap semua agensi ini terutama membabitkan negeri di utara tanah air iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perlis selain turut membabitkan Pulau Langkawi.

MENANGIS TEGESAK-TEGASKAN

Di Georgetown, enam individu termasuk seorang wanita direman lima hari bermula semalam, bagi membantu siasatan berhubung dakwaan meminta suapan pemerasan sebagai perlindungan kepada bot nelayan.

Perintah reman sehingga 4 Mac itu dikeluarkan Majistret Azlan Basri selepas SPRM membuat permohonan berkenaan di Mahkamah Majistret Georgetown, di sini.

Terdahulu, enam suspek tiba di pekarangan kompleks mahkamah jam 10.15 pagi dengan memakai

baju lokap berwarna oren.

Suspek wanita dilihat menangis teresak-tesak ketika keluar dari kenderaan diiringi pegawai SPRM ke kamar mahkamah.

Menurut sumber, enam suspek itu antara tujuh yang ditahan di sekitar Pulau Pinang antara jam 9 pagi hingga 10 malam kelmarin.

Semua individu terbabit terdiri daripada empat penjawat awam dan tiga orang awam berusia antara 36 hingga 56 tahun.

Bagaimanapun, seorang suspek lelaki dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas kenyataannya direkodkan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan berkata, kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009.